

## **ABSTRAK**

HADENAN TOWPEK. ANALISIS KEUNTUNGAN PERBANKAN ISLAM DI MALAYSIA DENGAN TUMPUAN KEPADA PENGURUSAN ASET DAN LIABILITI. Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2002.

Kajian disertasi ini menyentuh tentang konseptualiti dan signifikasi konsep keuntungan dalam pelbagai perspektif termasuklah perspektif ekonomi tulen, ekonomi Islam, perbankan konvensional dan perbankan Islam. Fungsi dan pengaruh konsep ini amat signifikan sehingga ia ditanggapi sebagai kayu pengukur bagi pencapaian matlamat dalam pertimbangan berekonomi. Kajian disertasi ini meneliti terperinci kadar keuntungan dalam perbankan dwi-sistem di Malaysia dalam suasana perubahan kadar faedah pasaran. Pendekatan yang dibuat dengan mengenalpasti formulasi strategik segmen-segmen dalam pengurusan aset dan liabiliti dalam perbankan dwi-sistem yang mampu menjanakan margin-margin keuntungan yang optimum dalam apa jua suasana kadar faedah sekalipun. Bagi perbankan konvensional yang mengaplikasikan kadar faedah terapung boleh mencipta keuntungan yang diingini dalam suasana kadar faedah melambung maupun menurun, menerusi semakan dan penyelarasan segmentasi dalam pengurusan aset dan liabiliti. Sementara perbankan Islam pula yang berkecenderungan mengamalkan kadar keuntungan tetap bertindak lebih berhati-hati dalam menstrategikan formulasi segmentasi dalam pengurusan aset dan liabiliti sama ada ketika faedah tinggi ataupun rendah. Kajian ini mendapati perbankan konvensional hanya menekankan motif keuntungan semata-mata dan perbankan Islam pula juga mengambil kira motif keuntungan berkesampingan dengan faktor agama.